

bminggu@bh.com.my

# PERSPEKTIF

Mengenang kisah legenda 'Delima'  
Muka 36



Musnahnya The Actors Studio,  
Faridah terus mara  
Muka 38

## Dari Malaya menjadi Malaysia



### 16 September tarikh keramat pembentukan negara berdaulat

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

"**Sesetengah** orang fikir bahawa sebaik sahaja kita menanam pokok, ia mesti menghasilkan buah. Kita perlu membiarkannya membesar sedikit," itu antara petikan kata-kata daripada Perdana Menteri Malaysia pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang sangat popular.

Petikan kata-kata itu sangat relevan malah dalam meraikan sambutan Hari Malaysia setiap 16 September, ia memperjelaskan Malaysia dibentuk atas persetujuan bersama berasaskan pungutan suara.

Penubuhan Malaysia, yang menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak pada 16 September 1963, membawa kepada pembentukan satu kesatuan ekonomi dan politik, bagi sebuah negara yang lebih luas di Asia Tenggara.

Menyusuri 61 tahun pembentukannya, pelbagai cabaran, jatuh bangun, pahit manis diharungi negara, dengan Semenanjung, Sabah dan Sarawak terus kekal dalam satu ikatan sehingga hari ini, selepas Singapura keluar dari Malaysia pada 9 Ogos 1965.

Penyertaan Sabah, yang dulunya dikenali sebagai Borneo Utara dan Sarawak untuk membentuk gagasan

Malaysia bukan mudah, selepas idea yang dikemukakan Tunku Abdul Rahman pada 27 Mei 1961 itu mendapat tentangan yang hebat.

Antaranya adalah kebimbangan dan ketidakfahaman beberapa pemimpin parti dari negeri terbabit mengenai konsep Malaysia serta tentangan daripada Gabenor British di Borneo Utara dan Sarawak, yang merasakan negeri berkenaan masih belum bersedia dari segi politik, berbanding Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura yang lebih jauh ke hadapan dalam pelbagai aspek.

Bagi menangani isu berkenaan, Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (MSCC) ditubuhkan pada 23 Julai 1961. Ia berperanan memberi penerangan lebih jelas mengenai Malaysia, selain mendapatkan pandangan pemimpin dan rakyat di Sabah juga Sarawak berhubung gagasan Malaysia.

Perbincangan diadakan di London pada 20 hingga 22 November 1961, dengan satu keputusan dicapai bagi menubuhkan sebuah suruhanjaya untuk meninjau pendapat dan pandangan rakyat di Sabah dan Sarawak berhubung gagasan Malaysia. Susulan itu, pada 16 Januari 1962, sebuah suruhanjaya bebas dan berkecuali dibentuk, yang dinamakan Suruhanjaya Cobbold.

#### Maklum balas rakyat

Suruhanjaya ini terdiri daripada lima ahli, iaitu Pengerusinya, Lord Cob-

bold, dua ahli yang dilantik kerajaan British, iaitu Sir Anthony Abell dan Sir David Watherston serta dua ahli yang dilantik kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, iaitu Datuk Wong Pow Nee dan Muhammad Ghazali Shafie.

Pensyarah Program Sejarah, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Suffian Mansor, berkata Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan atas usul yang dipersetujui Tunku Abdul Rahman dan pihak British.

Katanya, bagi pihak British mereka tidak mahu penduduk di Sabah dan Sarawak dipaksa menerima Malaysia, justeru Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan bagi menggerakkan usaha mendapatkan maklum balas penduduk kedua-dua negeri ini.

"Apa yang dilakukan Suruhanjaya itu adalah mengadakan pertemuan

Tun Fuad Stephens mengisytiharkan Persekutuan Malaysia di Padang Merdeka pada 16 September 1963. Bersamanya adalah Timbalan Menteri Malaya, Tun Abdul Razak (kanan) dan Tun Datu Mustapha Datu Harun. (Foto Wikimedia)

dengan pemimpin dan penduduk tempatan.

"Tinjauan yang dilakukan Suruhanjaya ini bersifat menyeluruh dengan melawati kawasan bandar, luar bandar dan pedalaman. Pelbagai kenderaan darat dan air digunakan mereka untuk membuat tinjauan itu.

"Melalui kaedah itu, mereka mendapat maklum balas yang dikumpul, sama ada menerusi pertemuan dengan rakyat dan surat yang dihantar kepada mereka oleh penduduk tempatan," katanya.

Berdasarkan portal Pustaka Ilmu, Arkib Negara, ahli Suruhanjaya Cobbold membuat lawatan di 35 tempat di sekitar Sabah dan Sarawak, dari 19 Februari hingga 18 April 1962, membabitkan 50 perjumpaan dengan kira-kira 4,000 orang.

Lihat muka 35



Suffian Mansor

